

08 JUN 1999

LIM SARANKAN KOD PILIHAN RAYA BERSIH

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Ketua pembangkang Lim Kit Siang telah menyarankan parti-parti politik menggariskan apa yang dipanggilnya "Kod pilihan raya yang Bebas, Adil dan Bersih" bagi memastikan pilihan raya umum yang akan diadakan tidak yang "terkotor" dalam sejarah.

Semua parti, sama ada parti memerintah atau pembangkang, harus mempunyai komitmen bagi memastikan pilihan raya yang akan datang tidak menjadi yang paling kotor dalam sejarah, dengan mewujudkan kod seumpama itu, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kod pilihan raya itu harus diawasi oleh sebuah suruhanjaya yang mengandungi rakyat Malaysia yang terkemuka, yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk menegur parti politik yang melanggar kod tersebut," katanya semasa memberikan respons kepada kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, bahawa pilihan raya yang akan datang akan menjadi yang paling kotor dalam sejarah.

Perdana Menteri berkata ia akan menjadi lebih kotor memandangkan pembangkang mengeluarkan pelbagai ugutan dan desakan yang dibantu oleh manipulasi asing dan media asing.

-- BERNAMA

AU RI